

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

'Demam campak punca kematian 12 Orang Asli'

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan kematian 12 Orang Asli suku Batek di Kampung Kuala Koh, Kelantan, pada Jun lalu disebabkan demam campak dan bukannya akibat pencemaran.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pihaknya melakukan kajian teliti di makmal ke atas 12 daripada 16 mayat bagi mendapatkan keputusan lebih kukuh.

Beliau berkata, mengikut laporan awal, sejumlah 16 kematian dilaporkan dengan empat dilaporkan ke KKM, iaitu tiga ke Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan dan satu ke Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu.

"Selain itu, 12 kematian lagi dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kelantan. Dari pada 16 kematian itu, hanya empat kematian disahkan demam campak, manakala 12 kematian masih belum dapat disahkan kerana masih menunggu keputusan ujian toksikologi, logam berat dan entomologi.

"Hasil diperoleh melalui laporan penuh hari ini (semalam), laporan kematian mempunyai kaitan epidemiologi dengan wabak demam campak, manakala empat kematian lagi tidak dapat ditentukan punca kematian kerana tahap pereputan yang teruk, namun berdasarkan keputusan analisis sampel persekitaran dan laporan forensik, kematian tidak berpunca daripada keracunan logam berat ataupun dalam erti kata lain pencemaran.

"Bagaimanapun rumusan yang boleh diterjemahkan melalui laporan penuh ini, semua 12 kematian terbabit adalah kerana demam campak seperti berlaku ke

atas semua mangsa, bukan disebabkan pencemaran," katanya kepada pemberita pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Julai lalu, Dr Dzulkefly berkata, laporan penuh kini dalam proses disiapkan yang akan mengambil masa lebih lama kerana masih menunggu tiga keputusan, iaitu deoksiribonukleik (DNA) daripada 12 mayat berkenaan, toksikologi dan logam berat daripada laporan mayat serta keputusan berhubung entomologi daripada 10 mayat dengan semua laporan penuh berkenaan mengambil masa untuk disiapkan.

Sebelum ini, Dr Dzulkefly dilaporkan berkata, semua mayat Orang Asli yang ditemui polis sudah menjalani bedah siasat oleh pasukan forensik pada 17 dan 18 Jun lalu, namun keputusan ujian toksikologi, logam berat dan entomologi belum diperoleh.

Pada 17 Jun lalu, KKM mengesahkan wabak yang berlaku dalam komuniti Orang Asli suku Batek di Kuala Koh, termasuk membabitkan kematian, adalah disebabkan demam campak berdasarkan keputusan ujian makmal.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, pihaknya terpaksa mengambil masa agak lama bagi mengenal pasti punca 12 kematian kerana keadaan mayat sudah reput hingga menyukarkan bedah siasat dilakukan.

Beliau berkata, hasil bedah siasat turut membabitkan beberapa sampel persekitaran seperti sumber air minum, tanah dan makanan seperti ikan masin kering diambil untuk diuji kehadiran logam berat, mikroorganisma dan racun perosak.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Kementerian Kesihatan ambil serius wabak polio dilapor WHO

Putrajaya: Kementerian Kesihatan memandang serius kejadian wabak polio membabitkan dua kanak-kanak di Filipina seperti yang dilaporkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 19 dan 20 September lalu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kes polio terakhir di Malaysia dikesan pada 1992 sebelum negara diisytiharkan bebas wabak itu bersama negara Rantau Pasifik Barat pada 2000.

Beliau berkata, kejayaan pembasmian penyakit ini adalah berikutan pencegahan melalui vaksin polio yang diperkenalkan di dalam Program Imunisasi Kebangsaan sejak tahun 1972 dan diteruskan sehingga ke hari ini.

"Liputan imunisasi untuk vaksin polio dos ketiga dari tahun 2014 hingga 2018 adalah di antara 96.7 - 99.0 peratus. Bagi menghindar dan mencegah penyakit polio dari berlaku, liputan imunisasi menggunakan vaksin polio harus sentiasa melebihi 95 peratus.

"Dalam memastikan Malaysia terus bebas daripada penyakit polio, pemantauan gejala penyakit menyerupai gejala penyakit polio iaitu *Acute Flaccid Paralysis* (AFP) dijalankan kepada kanak-kanak berumur kurang daripada 15 tahun di semua fasiliti kesihatan di Malaysia dan jika ada kes AFP dilaporkan, siasatan lengkap akan dijalankan.

"Pemantauan kehadiran virus polio dalam persekitaran melalui pensampelan air kumbahan di beberapa loji rawatan air kumbahan yang terpilih sejak 2012 turut dilakukan dan sehingga kini, tiada virus polio yang boleh menyebabkan penyakit polio dikesan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet di pejabatnya di sini, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, bagi mengekalkan negara terus bebas dari penyakit polio, pihaknya melalui semua Pejabat Kesihatan Daerah dan fasiliti kesihatan melaksanakan aktiviti dengan memastikan liputan imunisasi polio melebihi 95 peratus di semua lokaliti pada setiap masa, termasuk di kawasan yang dikenal pasti rendah liputan imunisasi.

"Ini menjadikan Sabah yang paling hampir dengan Filipina, diberi perhatian dengan memastikan liputan imunisasi yang tinggi adalah penting melindungi kanak-kanak dari jangkitan polio.

"Kita juga memastikan pemantauan AFP di semua fasiliti kesihatan diperkukuhkan dan pemantauan sampel persekitaran di kawasan berisiko tinggi seperti penempatan warga asing dari negara yang sedang mengalami polio diperluaskan," katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

Bateq deaths confirmed linked to measles

By JO TIMBUONG
jo.timbuong@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Investigations into the deaths of 15 Bateq in Kuala Koh, Kelantan found that the fatalities were mostly linked to measles, and not due to water polluted by heavy metals, says the Health Ministry.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said eight of the 12 deaths were linked to measles, while the remaining four could not be determined due to the advanced stage of decomposition of the bodies.

"Based on samples collected from the surrounding area as well as

forensics reports, the deaths were not caused by heavy metals poisoning," he said when presenting the findings at a press conference after the weekly Cabinet meeting.

Dr Dzulkefly said samples collected for testing ranged from water and soil to food, including dried fish samples, to determine the presence of heavy metals, microorganisms and pesticides.

He said water samples met with raw water quality standards and was free from pesticides.

"Traces of heavy metals were detected but not in lethal doses," he said.

He added that soil samples from the graves and from one of the houses showed no signs of melioidosis and leptospirosis bacteria.

"The dried fish they ate was also free from heavy metals, histamines and microorganisms," he said.

The findings answered months-long questions as to what caused the deaths at the remote village in Gua Musang, Kelantan.

Dr Dzulkefly said investigations took some time because many of the remains were highly decomposed.

"On one of the bodies, all that was left was the skull," he said.

He said action had been taken to

prevent the disease from spreading, and that included raising awareness for immunisation as well as campaigns to promote water and food safety.

Initially, some believed the deaths, first reported in June, were caused by pollutants from nearby oil palm plantations and manganese mines. The disease also claimed a life in Terengganu.

An initial post-mortem on the first three Kuala Koh villagers, including the victim in Terengganu, revealed they died of measles.

Meanwhile, the ministry has taken steps to stop polio from

reemerging following the detection of two cases in the Philippines.

"We have been checking for the presence of the polio virus in sewage since 2012, and so far, there is none," he said.

Malaysia has been polio-free since October 2000, and the ministry is determined to keep it at bay by ensuring the public understands the importance of vaccination.

"The anti-vaccination movement is why polio has reemerged in the Philippines," he said, adding that it was important for Sabah to maintain high polio immunisation levels as it is the closest to the Philippines.